



DIKIR ORANG TIMUR

Thursday, June 16, 2011

A. WAHAB ALI (6)



A. Wahab Ali menulis puisi, cerpen, novel dan esei sastra. Namun beliau lebih dikenali sebagai seorang penyair yang kukuh ketika kemunculannya pada tahun 70-an. Nama beliau sebaris dengan Kemala, A. Latiff Mohiden, Muhamad Haji Salleh, Dharmawijaya dan lain-lain. Sajaknya yang terkenal ialah **Bisikan di Kuala Terengganu**.

Beliau mempunyai gaya penciptaannya yang tersendiri iaitu romantik dan pemikiran yang bersesuaian.

Beliau dilahirkan pada 2 Maret 1941 di Kampung Sungai Kembung, Bangi, Selangor, Malaysia. Anak kepada seorang penoreh getah (karet) yang mengikuti Tarekat Ahmadiyah. Pendidikan awal beliau dimulai di Sekolah Melayu Bangi pada tahun 1948 dan ke Sekolah Melayu Pulau Meranti. Kemudian beliau melanjutkan pelajarannya ke Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim (1958-1962). Kerjaya pertamanya ialah menjadi guru di Sekolah Kebangsaan Dato' Keramat, Kuala Lumpur. Kemudian beliau berkhidmat sebagai penyunting di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Pada tahun 1968, beliau memasuki Universiti Malaya dan menamatkan Ijazah B.A. Hons pada tahun 1971. Beliau kemudian mengajar di Sekolah Menengah Dato' Harun Tanjung Karang, Selangor. Pada tahun berikutnya beliau ke Universiti Malaya sekali lagi untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Sastera yang diperolehi pada tahun 1974. Beliau kemudiannya menjadi dosen (penyarah) di universitas yang sama.

Pada tahun 1979, A. Wahab Ali ke University National Australia untuk peringkat kedoktorannya. Beliau pulang dengan Ph.Dnya pada tahun 1985. Beliau juga ke Program Penulisan Antarabangsa di University of Iowa, Amerika Serikat (1983). Pada tahun 1973, beliau ke Kongres ke Dua Penyair dunia di Taipei.

Kumpulan puisi yang telah diterbitkan ialah **Penemuan** (DBP, Kuala Lumpur, 1975), **Sajak-Sajak Orang Berdosa** (Utusan, Kuala Lumpur, 1977) dan Novelnya pula ialah **Angin Hitam** (Utusan, Kuala Lumpur, 1968) dan **Pemburu** (Penerbit Karyawan Kuala Lumpur, 1968). Buku ilmiahnya pula ialah **Kritikan Estetik Sastera** (DBP, Kuala Lumpur, 2000). Puisinya **Setelah Menjangkau Empat Puluh** mendapat Hadiah Karya Sastra 1984. Pada tahun 1994 pula, beliau mendapat S.E.A Write Award. Pada tahun 1996-1997, beliau menyandang Kerusi Pengajian Melayu di University of Leiden, Holland.

Jawatan terakhirnya ialah profesor di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Setelah pensiun beliau menyumbangkan tenaga akademianya di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Namun di bidang sastra, beliau tetap sebagai penyair dan ilmuwan yang besar sumbangannya dalam dunia sastra Malaysia hingga ke hari ini.

Puisinya yang sangat terkenal ialah **Bisikan di Kuala Terengganu**.

Voting

About Me



djazlamzainal

Memilih dan memilah untuk menjadi kritikus, bukanlah pilihan banyak penulis. Tidak terlalu banyak pujian untuk kritikus. Kritikus dilihat sebagai musuh karyawan.

"Anjing yang menyalak bukit," itulah perbandingannya. Dalam genre sastra, ia dipanggil 'kritikus' dalam kelompok politikus ia dipanggil 'pembangkang.' Apakah memang kritikus, pembangkang atau pihak oposisi ini memang tidak berguna? Massa telah melempar kuno kepada moden. Teknologi moden menghasilkan beberapa kejutan dan keelokkan. Antaranya fesbuk. Maka dengannya suara terlontar agak lebih terbuka (atau lebih berbahaya) Saya ingin mengerjakan kritikan dan sorotan semampu saya, selingkung sastra Malaysia dan Indonesia. Dengannya, diharap akan dapat mendekat jarak dan beda yang terbentur selama ini. Kerana kata bijak pandai, "alah membeli, menang memakai" atau sekurang-kurangnya "berjagung-jagung dahulu, sementara menanti padi masak" kerana "tiada rotan, akar pun berguna." Seperti saya, diambil tidak menambah, dibuang tidak mengurang. Saya nuwon saja.

[View my complete profile](#)

Blog Archive

► 2014 (32)

► 2013 (1)

▼ 2011 (34)

► July (2)

▼ June (18)

HIKAYAT PRANG SABI DI MATA SARJANA DAN MILITER

PENGUCAPAN TABU SEKSUALITAS DAN PENULIS WANITA IND...

MUCHTAR LUBIS : JALAN TAK ADA UJJUNG
PEMBERONTAKAN PYANHABIB

MUHAMAD HAJI SALLEH - SI TANGGANG MODEN

MALAKA - PADANG - JAMBI

SAGA - BUAH HATI ABDUL TALIB HASSAN
LATIFF MOHIDIN - SAJAK-SAJAK DINIHARI

ENAM PUISI SUHAIMI HAJI MUHAMAD

BILA MALAM BERTAMBAH MALAM

TANAH PEREMPUAN : PENGHARGAAN
PEREMPUAN KEPADA P...

EMPAT PUISI TAUFIQ ISMAIL ; PENYAIR
LANGIT

apakah aku ini pendatang
di rumah yang pernah kukenal
atau cuma seorang semenda
meraba-raba
di bawah baju kurung hijau

semacam inderaku ini berbohong
aku terpinga-pinga
pelancungan menerobos
wanita berseluar dan berblaus
teman-teman bekas mahasiswa nasionalis
berpindah rumah dan kereta
melayani kenalan baru dengan cap rasmi
atau ke dot merasa hangatnya gadis tempatan
atau lebih baik menyepi
dari bicara sehangat dulu

atau aku yang asing
terpukau oleh cerita
penarik teksi dan teman-teman beku
tentang kebuluran keluarga terpencil
tertangkap mencuri ubi kayu di Kuala Brang
dan orang tua sakit tak cukup nafkah di balik bukit
rungsingkan lepas laku anak-anak gadisnya

apakah universiti ini terlalu beku
menimbus aku dengan buku-buku
sedang di luar kehidupan membiak ular
kepala berputar dengan kebendaan
perempuan dan pembangunan
memaafkan diri dan keadaan
menerima secara intelektual:
pemodenan itu anti tradisi
dan kita bena selektif moral

rujukan

1. *Pilihan Puisi baru Malaysia-Indonesia* (DBP, 1980)
2. *Wajah: Biografi Penulis* (DBP, 2005)

Posted by [djazlamzainal](#) at [7:08 PM](#)

Labels: [esei](#)

No comments:

Post a Comment



Comment as: **Syahrul Sazli** ▼

Sign out

Publish

Preview

☐ Notify me

HAMKA - LAMA DULU MENULIS ROMAN ISLAMIK

A. WAHAB ALI (6)

SERINGKALI KELIRU (untuk a.i.)

GOENAWAN MOHAMAD - SOSOK PENUH RAHASIA

RAHMAN SHAARI - SUATU NAMA SASTERA

MASURI S.N.

► [May](#) (14)

RASA TERPANGGANG - 2013



RM20 (kump. puisi)

Melly Goeslow - Bunda

Followers

Followers (13)

Crunch
by nuffnang

The Content Universe of Nuffnang Malaysia, Asia's leading Influencer and Content Marketing Company. Be a part of our community to share and enjoy wholesome content!

VISIT US!

Popular Posts



LATIFF MOHIDIN
- SAJAK-SAJAK DINIHARI

Latiff Mohidin mencipta dalam satu period pembangunan dan modenisasi yang telah bebas daripada tekanan pentadbiran kolonial dan justru ...



EMPAT PUISI TAUFIQ ISMAIL ; PENYAIR LANGIT

Taufiq Ismail Taufiq Ismail sebelum muncul dengan lebih tender pada tahun 1966 hingga H.B. Jassin meletakkan beliau sebagai pelopor An...

[Newer Post](#)

[Home](#)

[Older Post](#)

Subscribe to: [Post Comments \(Atom\)](#)